

PENGGUNAAN QAUL MUKTAMAD MAZHAB SYAFI'I DALAM PENGURUSAN ZAKAT DI BRUNEI DARUSSALAM: SATU PENDEDAHAN AWAL

THE USE OF QAUL MUKTAMAD OF MAZHAB SYAFI'I IN ZAKAT MANAGEMENT IN BRUNEI DARUSSALAM: EARLY EXPOSURE

Azme Mataliⁱ, Nurol Huda binti Pehin Datu Haji Ismailⁱⁱ, Abdurrahman Raden Aji Haqqiⁱⁱⁱ, Azman Ab Rahman^{iv}, Irwan Mohd Subri^v & Mohd Aizuddin Abdul Aziz^{vi}

ⁱ Pengarah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i dan Penolong Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

azme.hjmatali@unissa.edu.bn

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. nurulhuda.hajiismail@unissa.edu.bn

ⁱⁱⁱ Penolong Profesor Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. abdurrahman.haqqi@unissa.edu.bn

^{iv} Prof Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM. azman@usim.edu.my

^v Prof Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM. irwan@usim.edu.my

^{vi} Guru Bahasa Kanan (Halaqah), Pusat Pengajian Teras USIM. aizuddin@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Brunei Darussalam merupakan antara negara di Asia Tenggara yang meletakkan agama Islam sebagai agama yang diamalkan secara rasmi dan diperuntukkan dalam perlembagaannya. Pentadbiran agama Islam di Brunei mengiktiraf penggunaan pendapat Mazhab Syafi'i sebagai metodologi utama pengistinbatan hukum termasuk isu yang berkaitan dengan pengurusan zakat. Justeru objektif kajian ini merupakan pendedahan awal struktur pengurusan zakat di Brunei Darussalam yang mengasaskan metodologi istanbatnya kepada qaul muktamad dalam Mazhab Syafi'i. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah perpustakaan, dokumentasi dan temubual bagi mendapatkan data sekunder dan primer berkaitan objektif kajian. Kajian ini mendapati bahawa Yang Berhormat Pehin Mufti, Kerajaan Brunei Darussalam mengikuti peraturan</i></p>	<p><i>Brunei Darussalam is one of Middle East countries that placed Islam as the religion of the federation which stated in its constitution. The Islamic administration in Brunei authorized Mazhab Syafi'i as the main methodology in deriving hukum including any issues related with zakat management. Hence, the objective of this research is one of the exposure in zakat management structure in Brunei Darussalam which uses Mazhab Syafi'i as qaul muktamad in deriving hukum. The methodology of this research is quantitative and using the method of library, documentation and interview to collect primary and secondary data which related with the objective of this research. This research found that the Honored Pehin Mufti of Brunei Darussalam followed the existing law in Islamic Religious Act and Court Capital 77 before giving any opinion or fatwa including</i></p>

<p>perundangan sedia ada menerusi Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 sebelum mengeluarkan apa-apa pandangan atau fatwa termasuk dalam perihal yang melibatkan zakat. Peraturan perundangan tersebut adalah selari dengan konsep penggunaan Qaul Muktamad di dalam Mazhab Syafi'i. Penyelarasian metodologi istinbat hukum berasaskan Mazhab Syafi'i khususnya dalam pengurusan zakat diharapkan boleh memberikan impak yang positif khususnya dalam pengurusan kutipan zakat dan agihannya yang lebih sistematik dan relevan di Brunei Darussalam. Kajian ini diharapkan boleh dijadikan rujukan tambahan oleh pihak-pihak berautoriti di Negara Brunei Darussalam khususnya badan-badan yang terlibat dengan kutipan dan agihan zakat secara holistik dan menyeluruh.</p> <p>Kata Kunci: <i>Qaul Muktamad, Mazhab Syafi'i, Pengurusan Zakat, Brunei.</i></p>	<p>matters related to zakat. The laws are parallel with the concept of Qaul Muktamad in Mazhab Syafi'i. The consistency methodology of deriving hukum based on Mazhab Syafi'i especially in zakat management hopefully can give positive impact especially in collection and distribution of zakat to be more systematic and relevant in Brunei Darussalam. Hopefully this research can become one of the references by the authorised person in Brunei Darussalam especially the committee that related with zakat holistically and comprehensive.</p> <p>Keywords: <i>Qaul Muktamad, Mazhab Syafi'i, Zakat Management, Brunei.</i></p>
---	---

PENDAHULUAN

Brunei Darussalam merupakan antara negara di Asia Tenggara yang meletakkan agama Islam sebagai agama yang diamalkan secara rasmi dan diperuntukkan dalam perlembagaan negara. Berdasarkan dapatan sejarah, kajian mendapati bahawa Mazhab Syafi'i telah mula disebar luaskan di negara ini sekitar abad ke-10 Masehi. Pegangan bermazhab itu bukanlah sesuatu yang asing di Negara Brunei Darussalam. Pentadbiran agama Islam Brunei mengiktiraf penggunaan Mazhab Syafi'i dalam metodologi pengistinbatan hukum termasuk isu yang berkaitan dengan pengurusan zakat. Oleh itu, tidak hairanlah Mazhab Syafi'i diiktiraf sebagai mazhab yang dominan dan diikuti oleh majoriti penduduk Brunei.

Bagi tujuan menyelaras proses pengeluaran hukum atau fatwa di negara ini, maka garis panduan pengeluaran fatwa sebagai panduan yang seragam kepada pihak berautoriti agama Islam Brunei adalah amat penting dalam mengeluarkan hukum atau fatwa yang lebih adil dan seimbang kepada masyarakat. Garis panduan tersebut menjelaskan dengan lebih terperinci proses pengeluaran hukum atau fatwa yang dikenali sebagai Qaul Muktamad di dalam Mazhab Syafi'i. Kajian penggunaan qaul muktamad Mazhab Syafi'i dalam isu-isu kutipan dan agihan zakat amat penting bagi melihat kaedah dan metodologi yang digunakan dalam penentuan sesuatu hukum. Justeru, satu kajian yang mendalam perlu dijalankan bagi mengenal pasti perkara tersebut dan menghasilkan sebuah garis panduan metodologi istinbat hukum mazhab Syafi'i dalam pengurusan zakat yang boleh digunakan oleh badan-badan berautoriti di Brunei Darussalam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah perpustakaan, dokumentasi dan temubual. Kajian perpustakaan berujuk kepada rujukan-rujukan sedia ada sama ada berupa buku, tesis mahupun akta-akta, perintah-perintah darurat dan peraturan-peraturan negara Brunei Darussalam. Di samping itu, temubual juga telah dilakukan dengan menemubual pihak-pihak berkenaan daripada Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam; Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan beberapa orang Penghulu sebagai hujung tombak perlaksanaan zakat di Brunei Darussalam.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi Qaul Muktamad Dalam Mazhab Syafi'i

Qaul muktamad bermaksud pendapat-pendapat yang disepakati oleh Imam al-Nawawi (w. 676H) dan Imam al-Rafi'i (w. 623H) pada sesuatu perkara. Jika sesuatu perkara itu tiada pendapat yang disepakati oleh kedua-duanya maka didahului pendapat Imam al-Nawawi (w. 676H). Jika tiada didapati pendapat Imam al-Nawawi (w. 676H), maka diambil pendapat Imam al-Rafi'i (w. 623H). Kemudian diambil pendapat yang dirajihkan oleh ramai ulama mazhab, kemudian oleh yang lebih wara' (Abdul Aziz Juned, 2016).

Pendapat Imam al-Nawawi (w. 676H) yang diiktiraf sebagai qaul muktamad ialah pendapat yang terdapat dalam kitab-kitab penulisannya. Berikut ialah senarai kitab beliau secara tertib, iaitu: *al-Tahqiq*, *al-Mamu'*, *al-Tanqih*, *al-Raudah*, *al-Minhaj*, *Fatwa*, *Syarh Sahih Muslim*, *Sahih al-Tanbih* dan *Nukat al-Tanbih*. Kitab *al-Minhaj* atau dikenali juga *Minhaj al-Talibin* mempunyai *syarah* dan *hawasyi*. Kitab *syarah* dan *hawasyi al-Minhaj* yang paling muktamad dan wajib dijadikan asas fatwa ialah kitab *Tuhfah al-Muhtaj* oleh Ibn Hajar (w. 974H) dan kitab *Nihayah al-Muhtaj* oleh al-Ramli (w. 1004H) (Muhammad Nur Lubis, 2016).

Jika hukum sesuatu perkara itu tiada dinyatakan dalam kitab *al-Tuhfah* dan *al-Nihayah*, maka qaul muktamad ialah pendapat Syaikh al-Islam Zakaria al-Ansari (w. 926H) dalam kitabnya *Syarh al-Bahjah* dan kemudian dalam kitabnya *Syarh al-Manhaj*. Jika tiada hukum juga, maka diambil pendapat al-Khatib al-Syarbini (w. 977H), al-Zayadi (w. 1024H), Ibn Qasim (w. 918H), 'Umayrah (w. 957H), al-Syubramilsi (w. 1087H), al-Mahalli (w. 835H), al-Syawbari (w. 1171H) dan seterusnya al-'Anani (w. 1098H) jika tiada menyalahi *al-Mazhab* (Japar Madin, 2011). *Al-Mazhab* bermaksud:

"Pendapat yang dipilih dari percanggahan pendapat para sahabat Imam Syafi'i mengenai pendapat yang menjadi mazhabnya".

Pendapat-pendapat ulama dalam kitab-kitab muktamad atau disebut qaul muktamad adalah bersumberkan al-Quran dan Hadith (Abdul Aziz Juned, 2016).

Metodologi pengeluaran fatwa mengikut Mazhab Syafi'i

Jawapan Mufti bagi persoalan yang dikemukakan kepadanya hendaklah menggunakanqaul muktamad dalam Mazhab Syafi'i. Ini kerana fatwa yang diperakui sebagai fatwa dalam Mazhab Syafi'i apabila Mufti mengambil pendapat yang muktamad sahaja. Ulama mazhab berpendapat adalah berdosa mengeluarkan fatwa yang tidak muktamad untuk dijadikan hukum (Abdul Aziz Juned, 2016). Oleh itu bagi mengeluarkan fatwa, Mufti akan meneliti proses berikut:

Pertama, semasa menyediakan fatwa, Mufti memilih pendapat-pendapat mengikut turutan yang disarankan iaitu bermula dari kesepakatan pendapat Imam al-Nawawi (w. 676H) dan Imam al-Rafi'i (w. 623H) bagi sesuatu perkara. Jika tiada kesepakatan, maka didahuluikan pendapat Imam al-Nawawi (w. 676H), kemudian pendapat Imam al-Rafi'i (w. 623H) *Rahimahumallah*.

Kedua, Mufti hendaklah mengambil pendapat pilihan ahli tarjih apabila hukum sesuatu perkara tidak dijumpai setelah penelitian pada pendapat kedua-dua imam itu iaitu Imam al-Nawawi (w. 676H) dan Imam al-Rafi'I (w. 623H). Kemudian memilih pendapat Ibn Hajar (w. 974H) dan al-Ramli (w. 1004H). Seterusnya memilih pendapat Syaikh al-Islam Zakaria al-Ansari (w. 926H), al-Khatib al-Syarbini (w. 977H), al-Zayadi (w. 1024H), Ibn Qasim (w. 918H), 'Umayrah (w. 957H), al-Syubramilsi (w. 1087H), al-Mahalli (w. 835H), al-Syawbari (w. 1171H) dan al-'Anani (w.1098H) *Rahimahumullah*.

Ketiga, fatwa hanya pada perkara yang sedang berlaku atau telah berlaku. Perkara yang mustahil berlaku atau belum berlaku, tidak perlu dijawab oleh Mufti. Hal ini sesuai dengan pendapat ulama salaf seperti yang dinyatakan oleh Saidina Umar dan Ibn Umar *Radhiyallahu 'anhuma*.

Keempat, dalil hukum dari al-Quran ditulis dalam bentuk nasnya dan maknanya. Cara ini dilakukan oleh ulama silam yang didapati pada penulisan kitab-kitab mereka samada fatwa dan bukan fatwa. Ia berdasarkan kesepakatan ulama bahawa al-Quran terdiri dari lafaz dan makna (Abdul Aziz Juned, 2016). Kelima, sanjungan dan doa yang ditulis selepas sesuatu nama, ditulis dengan lengkap bukan secara singkatan. Imam Al-Nawawi (w. 676H) *Rahimahullah* menerangkan:

"mustahab bagi penulis hadis apabila dia kebetulan menyebut atau menulis lafaz al-Jalalah "Allah" 'Azz wa Jall agar selepasnya menuliskan kata sifat-Nya 'Azz wa Jall, atau Ta'ala, ... Begitu juga ketika dia menyebut atau menulis Nabi *Sallallahu 'alaihi wa sallam* supaya menyebut atau menulis *Sallallahu 'alaihi wa sallam* dengan menuliskan penuh kedua-dua perkataan (Salawat dan Salam), dan tidak secara ringkasan kedua-duanya atau salah satunya".

Zakat Dalam Sistem Perundangan Brunei Darussalam

Sebagai rukun Islam yang ketiga, zakat merujuk sebahagian harta kekayaan golongan yang berkemampuan yang mencapai nisab wajib diagihkan kepada penerima yang layak mengikut kadar yang ditetapkan dalam Islam. Urusan zakat

adalah urusan negara dan kerajaan yang dipimpin oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana dari segi syarak ia termasuk dalam tanggungjawab dan kuasa raja yang memerintah.

Undang-undang Islam telah bertapak dan dilaksanakan sepenuhnya sedari dahulu kala khasnya dalam era Sultan Sharif Ali yang bertahta antara tahun 1425 dan 1432 Masehi.¹ Ia kemudian diungkayahkan dalam satu undang-undang yang bernama Hukum Kanun Brunei.² Hukum Kanun Brunei ini terus digunakan dalam sistem pentadbiran negeri sehingga kedatangan pengaruh British yang mula bertapak di Brunei pada tahun 1847 iaitu setelah termeterainya Perjanjian Perdagangan dan Persahabatan yang seterusnya membawa Brunei sehingga menjadi salah satu wilayah naungan British. Pada tahun 1905 – 1906, sistem Residen

¹ Sultan Sharif 'Ali ibnu Sharif 'Ajlan naik takhta pada TM 1425 bagi mengantikan mertua Baginda, Sultan Ahmad yang tidak mempunyai waris (putera). Baginda dijunjung untuk menjadi Sultan atas persetujuan pembesar-pembesar negara dan rakyat Brunei. Baginda keturunan Arab, berasal dari Taif. 'Pedang Si Bongkok' yang dibawa Baginda bersama ke Brunei itu membuktikan Baginda pernah menjadi Amir Makkah iaitu Al-Amir Sharif 'Ali bin Sharif Rumaithah bin Sharif Muhammad Abu Numaie Al-Awwal, mempunyai jurai keturunan daripada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam melalui cucunda Baginda, Sayidina Hasan. Memandangkan jasa dan kearifan Baginda menyebarkan ajaran Islam maka Baginda dijodohkan oleh Sultan Ahmad dengan puteri Baginda, Puteri Ratna Kesuma. Baginda lindung pada TM 1432 dan digantikan oleh putera Baginda, Pengiran Muda Besar Sulaiman. (<http://www.pusat-sejarah.gov.bn/Themed/sultanbrunei.htm>)

² Berdasarkan fakta sejarah, Brunei tidak mempunyai undang-undang yang khusus. Apa yang terdapat ialah 2 naskhah undang-undang bertulis yang dikanunkan. Naskhah Brunei terkenal dengan nama 'Hukum Kanun', mengandungi 79 halaman. Naskhah kedua pula terkenal dengan nama 'Undang-Undang dan Adat Brunei Lama' (Old Brunei Law and Custom), mengandungi 68 halaman dan berada di simpanan Muzium Sarawak. Ianya juga terkenal dengan nama 'Naskhah Lawas' kerana naskhah ini dikatakan berasal dari Lawas iaitu sebuah kawasan Brunei yang telah menjadi sebahagian daripada Sarawak. Hukum Kanun ialah undang-undang Islam yang dikanunkan, walaupun terdapat sedikit sebanyak pengaruh adat dan resam Brunei di dalamnya sebagai undang-undang bertulis. Ia mula ditulis pada pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (TM 1582-1598) dan telah sempurna dilaksanakan dan dikuatkuaskan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akbar (TM 1598-1659). Mengandungi 47 fasal yang memperuntukkan berbagai peraturan, tegahan dan hukuman berkaitan dengan bidangkuasa raja dan pembesar Negara, undang-undang muamalah Islam seperti jual beli, gadaian, mudharabah dan wadiyah, undang-undang jenayah Islam seperti hudud, qisas dan takzir, undang-undang keterangan dan acara, undang-undang tanah dan undang-undang keluarga. Peruntukkan mengenai undang-undang keluarga adalah berjumlah sebanyak 6 fasal dan pada dasarnya menyentuh mengenai hukum orang meminang gadis yang telah dipinang oleh lelaki lain, syarat-syarat wali yang menikahkan anak dara dan janda, syarat-syarat saksi nikah, bilangan orang yang menjadi saksi nikah, aib atau kecacatan yang dibolehkan suami dan isteri memfasakh pernikahan dan jenis dan hukum talak bain dan raj'ie, hukum benikah dengan perempuan majusi dan ahli kitab serta syarat-syarat bernikah dengan hamba abdi. Hukum Kanun ini adalah berdasarkan Hukum Syara' meskipun ada sebahagiannya mengandungi unsur-unsur hukum adat melayu. Ianya telah menjadi undang-undang dasar dan asas bagi Negara ini sehingga kedatangan dan campurtangan Inggeris berlaku pada tahun 1906. (https://www.esyariah.gov.bn/portals/syariah/branches/web/home/article_view/267/226/?l1=1&l2=1)

mula diperkenalkan di Brunei yang sekaligus meletakkan Residen British sebagai pemerintah dan segala urusan pentadbiran terletak di tangan Residen kecuali hal-hal yang bersangkutan dengan ugama Islam. Bermula dari saat itulah berlakunya dualisme dalam sistem pemerintahan negeri termasuklah dalam sistem perundangan.

Undang-undang bertulis yang pertama selepas sistem Residen diperkenalkan ialah Enakmen Undang-Undang Islam 1912 (No. 1/1912) atau Muhammadan Laws. Dengan tergubalnya undang-undang tersebut, maka bermulalah sistem perundangan dualisme di antara undang-undang Kanun Brunei yang bercorak tradisi dengan undang-undang moden yang diperkenalkan oleh Residen British. Namun undang-undang ini hanya dikhaskan atau digunakan pada orang-orang Islam sahaja. Undang-undang ini merupakan perundangan moden yang pertama dalam Islam khususnya tentang bab 'nikah cerai'. Undang-undang ini diluluskan pada tahun 1911 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 1912, iaitu sewaktu zaman Sultan Muhammad Jamalul Alam II memerintah (1906-1924) (Aisah Pungut, t.t).

Satu penggubalan pentadbiran undang-undang Syarak yang terakhir berlaku pada tahun 1955 iaitu sebelum Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei pada tahun 1959, 25 yang dinamakan Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20 Tahun 1955 (Zainab Tuah, 2009).

Undang-Undang ini digubal adalah menurut Undang-Undang Negeri Kelantan, yang mana telah diubah dan disesuaikan dengan keadaan sosio budaya, adat Negara Brunei ketika itu (*Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955 (Enactment No. 20 of 1955) Explanatory Note*, No. 37). Dengan berkuat kuasanya Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 pada 1 Februari 1956 (*The Revised Edition of Subsidiary Legislation of Brunei 1957*) sekali lagi perubahan besar dan menjadi sejarah dalam pentadbiran kehakiman dan perundangan di Brunei. Yang mana Mahkamah Kadi telah diasingkan daripada struktur Mahkamah Brunei, ianya merupakan Mahkamah yang tersendiri dan mempunyai pentadbirannya tersendiri. J.O. Gilbert, Resident British di Brunei ketika itu menyebutkan dalam permulaan indeks Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah Mahkamah Kadi, 1955 bahawa undang-undang ini ialah; "Adalah suatu undang-undang kerana menyatukan undang-undang Adat Istiadat Melayu, Mahkamah Kadi, Perlembagaan dan pertubuhan pihak-pihak yang berkuasa agama dan peraturan hal-ehwal ugama". Undang-undang ini telah membatalkan Undang-Undang Islam iaitu Enakmen No.1 Tahun 1912 dan Undang-Undang Nikah Cerai Islam iaitu Enakmen No. 3 Tahun 1913. Pada tahun 1960, Undang-Undang Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 dipinda namanya menjadi Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 berikutan dengan terpisahnya Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Adat Istiadat dan Kebajikan Masyarakat (*Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955, (Amendments) Enactment No. 1 /1960*). Pada tahun 1984, apabila Undang-Undang Brunei keseluruhannya disemak semula, maka Undang-Undang

Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No. 20 Tahun 1955 juga turut disemak dengan membuat beberapa pindaan kecil dan menukar namanya kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. Oleh yang demikian, Akta ini masih menyatakan undang-udang yang ditadbir oleh Mahkamah Kadi dan juga bagi penubuhan institusi ugama yang menguruskan pentadbiran perjalanan agama Islam termasuk perlantikan mufti.

Akta Penggal 77 ini mengandungi 11 bahagian dan mempunyai 205 bab manakala perlaksanaan zakat diatur dalamnya dalam bab 114 sampai bab 121. Dalam bab-bab berkenaan ada disebutkan berkaitan dengan kuasa-kuasa MUIB dalam perlaksanaan zakat dan fitrah (Bab 114); senarai-senarai penaksiran (Bab 115); tanggungan untuk membayar zakat (Bab 116); tanggungan untuk membayar fitrah (Bab 117); pembayaran zakat (Bab 118); pembayaran fitrah (Bab 119); resit-resit dan akau-akaun (Bab 120); dan penyelesaian baki (Bab 121). Dalam Akta ini juga dijadualkan Borang A dan boring B bagi kutipan zakat dan fitrah. Perlaksanaan zakat dan fitrah juga dapat terlaksana dengan lebih teratur dan sempurna apabila satu Peraturan Zakat dan Fitrah 1969 digubal dan dikuatkuasakan pada 11 Syawal 1389H bersamaan 1 Januari 1969.

Zakat juga disentuh dalam Perintah Perbankan Islam 2008 di mana dinaskan “24. (1) Every Islamic bank shall - (a) maintain a reserve fund; and (b) transfer to that reserve fund out of the net profits of each year, after due provision has been made for zakat and taxation, a sum determined as follows- (i)...”. Begitu pula dalam Income Tax Act (Chapter 35) 21st April, 2011 Income Tax (Relief From Double Taxation) (Kuwait) Order, 2011 ada disebutkan “3. The existing taxes to which this Agreement shall apply are in particular - {a} in the case of Brunei Darussalam- (1) income tax imposed under the Income Tax Act (Cap. 35); and (2) petroleum profits tax imposed under the Income Tax (Petroleum) Act (Cap. 119); (hereinafter referred to as “Brunei Darussalam tax”). {b} in the case of Kuwait (1) the corporate income fax; 121 the contribution from the net profits of the Kuwait shareholding companies payable to the Kuwait Foundation for Advancement of Science (KFAS); (3) the Zakat; and (4) the tax subjected according to the supporting of national employee law;”

Zakat tidak termasuk dalam “wang kerajaan” sebagaimana disebutkan dalam Dokumen-Dokumen Perlembagaan: “wang Kerajaan” bermakna semua hasil, pinjaman, amanah dan wang lain dan semua bon, debentur dan sekuriti lain apa jua pun yang didapatkan atau diterima oleh atau atas akaun Negara Brunei Darussalam, termasuk wang hasil yang dikenali sebagai tulin dan kuripan yang dibayar oleh Kerajaan Sarawak dan Kerajaan North Borneo kepada Negara Brunei Darussalam, tetapi tidak termasuk Zakat, Fitrah atau hasil dan wang-wang tabung Ugama Islam yang serupa; [S 63/04]

Zakat juga diatur dalam Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013 yang mana disenaraikan hukuman-hukuman berkaitan dengan tidak membayar zakat dan fitrah dengan hukuman tidak melebihi BND 8000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya (Peruntukan 236); pengutipan zakat atau fitrah tanpa kuasa (Peruntukan 237); pembayaran zakat atau fitrah kepada orang yang tidak

diberi kuasa (Peruntukan 238); dan pengutipan zakat atau fitrah secara penipuan (Peruntukan 239).

Dalam Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 ada dijadualkan dalam Jadual Pertama berikut:

FIRST SCHEDULE – *(Continued)*

234(3)	Giving any information relating to offence under the Syariah Penal Code Order, 2013 [S 69/2013] or any other written law to which the Syariah Courts have jurisdiction which he knows or believes to be false	May arrest without warrant	Warrant	Bailable	Fine not exceeding \$8,000, imprisonment not exceeding 2 years or both	Syariah Subordinate Court
234(4)	Furnishing, as true, information, statement or declaration on the matter which he knows or has reason to believe to be false on any matter required by any public servant in the exercise of his lawful duty	May arrest without warrant	Warrant	Bailable	Fine not exceeding \$8,000, imprisonment not exceeding 2 years or both	Syariah Subordinate Court
235	Incitement to neglect religious duty	May not arrest without warrant	Summon	Bailable	Fine not exceeding \$4,000, imprisonment not exceeding one year or both	Syariah Subordinate Court
236	Non-payment of <i>zakat</i> or <i>fitrah</i>	May arrest without warrant	Warrant	Bailable	Fine not exceeding \$8,000, imprisonment not exceeding 2 years or both	Syariah Subordinate Court
237	Collection of <i>zakat</i> or <i>fitrah</i> without authority	May arrest without warrant	Warrant	Bailable	Fine not exceeding \$8,000, imprisonment not exceeding 2 years or both	Syariah Subordinate Court
238	Payments of <i>zakat</i> or <i>fitrah</i> to unauthorised person	May not arrest without warrant	Summon	Bailable	Fine not exceeding \$4,000, imprisonment not exceeding one year or both	Syariah Subordinate Court

FIRST SCHEDULE – *(Continued)*

239(1)	'Amil issues receipt for collection of <i>zakat</i> or <i>fitrah</i> but does not surrender the amount collected to Majlis	May arrest without warrant	Warrant	Bailable	Fine not exceeding \$8,000, imprisonment not exceeding 2 years or both	Syariah Subordinate Court
239(2)	'Amil does not issue receipt for collection of <i>zakat</i> or <i>fitrah</i> or issues false receipt	May arrest without warrant	Warrant	Bailable	Fine not exceeding \$8,000, imprisonment not exceeding 2 years or both	Syariah Subordinate Court
240	Build etc. mosque without permission	May not arrest without warrant	Summon	Bailable	Fine not exceeding \$10,000	Syariah Subordinate Court
241	Breach of secrecy	May not arrest without warrant	Summon	Bailable	Fine not exceeding \$2,000, imprisonment not exceeding 6 months or both	Syariah Subordinate Court
242	Intentional insult or interruption to public servant sitting in any stage of judicial proceeding	May arrest without warrant	Warrant	Bailable	Fine not exceeding \$8,000, imprisonment not exceeding 2 years or both	Syariah Subordinate Court
243(1)	Omission to assist public servant in the execution of his duty when bound by law to give assistance	May not arrest without warrant	Summon	Bailable	Fine not exceeding \$1,000, imprisonment not exceeding 3 months or both	Syariah Subordinate Court

Pengurusan Zakat Di Negara Brunei Darussalam.

Kuasa Majlis Ugama Islam

Pentadbiran dan Pengurusan zakat di Negara Brunei Darussalam adalah di bawah kuasa Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Di dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi no. 77 dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam terdapat peruntukan mengenai Zakat Fitrah Bab 114 hingga 121. Bab-bab tersebut memperuntukkan syarat-syarat dan bagi dijalankan pungutan zakat fitrah di Negara Brunei Darussalam (Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, 2007).

Bab 114 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 memperuntukkan seperti berikut:

“Bab 114. Majlis Hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah bertugas, untuk memungut bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan untuk menyelesaikan sebagaimana yang diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tertakluk kepada syarat-syarat dari Akta ini, semua zakat dan fitrah yang harus dibayar di Negara Brunei Darussalam menurut hukum syara’, dan hendaklah berbuat demikian setakat mana dan dengan cara yang ditetapkan dalam Akta ini”.

Peraturan Zakat dan Fitrah 1969

Pentadbiran dan pengurusan zakat fitrah di Negara Brunei Darussalam mulai berjalan dengan teratur dan sempurna sejak Undang-Undang Zakat Fitrah disahkan pada tanggal 11 Syawal 1389H bersamaan 1 Januari 1969M. Di mana dengan ini, Majlis Ugama Islam berkuasa memungut semua zakat fitrah serta membagi-bagikannya kepada yang berhak di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Bagi melaksanakan kehendak bab 114 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 itu, satu Peraturan Zakat dan Fitrah telah dibuat dan Peraturan itu telahpun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berdasarkan warkah perkenan Baginda bilangan: (37) dalam HHPO 14/1965 bertarikh 16 disember 1969 bagi menguatkuasakan Bab 1 ceraian (2) dari Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi tahun 1955 (sekarang bergelar Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77), yang mengandungi syarat-syarat dan kuasa-kuasa bagi dijalankan pemungutan zakat dan fitrah di negara ini. Peraturan ini telah berkuatkuasa pada 11 Syawal 1389 bersamaan 01 Januari 1969.

Peraturan zakat dan fitrah 1969 mengatur cara-cara Majlis Ugama Islam Brunei dalam memungut zakat dan fitrah daripada sekalian umat Islam di seluruh Negara Brunei Darussalam. Pemusatan pemungutan zakat ini telah bermula pada 11 Syawal 1389 bersamaan 01 Januari 1969.

Dengan berkuatkuasa Peraturan Zakat dan Fitrah 1969 ini, maka amil-amil telah dilantik bagi menjalankan tugas untuk mengendalikan pengutipan zakat dan fitrah. Amil-amil ini dilantik atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Amil-amil yang dilantik adalah kebanyakannya dari kalangan pegawai-pegawai masjid yang terdiri daripada imam-imam dan bilal-bilal. Disamping itu, ada juga amil-amil yang dilantik daripada kalangan Penghulu-Penghulu / Ketua-Ketua Kamping, Guru-Guru Ugama, Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang bersesuaian mengikut kawasan-kawasan yang ditentukan (Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, 2007).

Pelaksana Zakat Di Negara Brunei Darussalam

Pertama: Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB)

Sejarah Majlis Ugama Islam

Majlis Ugama Islam ditubuhkan setelah pengesahan Undang-Undang No.20/1955 (Undang-Undang Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955) yang telah digubal berdasarkan kepada Undang-Undang dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1955 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Februari 1956 semasa pemerintahan Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Undang-Undang No.20/1955 (Undang-Undang Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955) ini mengandungi banyak perkara mengenai dengan hal ehwal ugama Islam yang antara lain ialah Penubuhan Majlis Ugama Islam, wujudnya Jawatan Mufti, Penubuhan Jawatankuasa Undang-Undang, Jawatankuasa Kehakiman, Mengemaskinikan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Masalah-Masalah Muallaf, Jenayah Agama, Pentadbiran Zakat dan lain-lain lagi. Undang-Undang No.20/1955 (Undang-Undang Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955) ini setelah disemak semula pada tahun 1984, sekarang ini dikenali sebagai Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Tugas dan peranan utama Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam ialah membantu dan menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Ugama dalam segala hal yang berkaitan dengan Agama Islam iaitu sebagaimana yang disebutkan dalam bab 38 tentang kuasa-kuasa Majlis dalam Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi penggal 77 di bawah tajuk Kuasa-Kuasa Dalam Perkara-perkara Ugama yang menegaskan seperti berikut:

“Majlis hendaklah, bagi pihak dan di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua Ugama Rasmi Negara Brunei Darussalam, membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam semua hal yang berkaitan dengan agama rasmi Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah dalam semua hal-hal tersebut menjadi pihak berkuasa yang utama di Negara Brunei Darussalam, kecuali sejauh mana yang dipersyaratkan sebaliknya oleh Akta ini.”

Pendirian Jawatankuasa Bagi Pelaksanaan Zakat

Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam telah melantik sebuah Jawatankuasa Pengeluaran wang Zakat yang bertugas memandu dasar dan perjalanan pemungutan dan pembagian zakat fitrah di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Jawatankuasa ini mempunyai kuasa membuat keputusan muktamad bagi pemberian semua jenis bantuan kepada fakir miskin dan asnaf-annaf yang lain di Negara Brunei Darussalam dan menetapkan jumlah, kadar, jenis atau bentuk bantuan yang akan diberikan atau diluluskan.

Setiap permohonan bantuan dari fakir miskin dan asnaf-asnaf yang lain, sebelum dihadapkan kepada Jawatankuasa Pengeluaran Wang Zakat, akan diteliti terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Peneliti Permohonan-Permohonan dari Asnaf-Asnaf untuk mendapatkan bahagian zakat yang akan memenuhi keperluan mereka atau sebaliknya berdasarkan kepada maklumat dan laporan penyiasatan yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai Pemungutan dan Penyaluran Zakat Majlis Ugama Islam.

Jawatankuasa ini dilantik berdasarkan bab 41(1) Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 yang bertugas mengeluarkan Fatwa mengenai undang-undang atau ajaran ugama Islam bagi pihak Majlis Ugama Islam. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan dan mempunyai tidak kurang dari 2 Ahli lain dari Majlis Ugama Islam dan tidak kurang dari 6 orang lain yang terdiri samada daripada ahli Majlis ataupun tidak.

Berdasarkan bab 42(1), bahawa siapa saja boleh menulis surat kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam meminta supaya Majlis mengeluarkan Fatwa mengenai ajaran ugama Islam dan Setiausaha Majlis Ugama Islam akan menghadapkan permintaan tersebut kepada Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang bagi mengeluarkan Fatwa atas nama Majlis (Haji Muhammad Khalid, Abdul Ishraq, Hartina dan Haji Zakaria, 2018).

Kedua: Badan Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ)

Bahagian Kutipan Dan Agihan Zakat (BAKAZ) merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Majlis Ugama Islam. Fungsi utama Bahagian ini ialah mengutip dan mengagihkan wang zakat yang diterima dari pengeluar wang zakat untuk diagihkan kepada enam ansaf yang berhak di Negara Brunei Darussalam. BAKAZ diketuai oleh seorang Ketua Bahagian yang bertanggungjawab kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam dalam perkara pentadbiran zakat.

Pusat dibahagikan kepada lima rangkaian Unit iaitu:-

1. Unit Pentadbiran, Penyelidikan Dan Perkembangan;
2. Unit Urusetia Mesyuarat;
3. Unit Kutipan Dan Pengumpulan;
4. Unit Permohonan Dan Agihan; dan
5. Unit Kewangan Dan Perakaunan

Fungsi Bahagian Zakat

Bertugas mengutip / menerima / menyimpan / mengagihkan wang zakat.

Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat

Majlis Ugama Islam telah melantik Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat (JMZ) yang bertindak bagi memandu dasar dan perjalanan kutipan dan pengagihan zakat dan fitrah di seluruh negara. Jawatankuasa inilah yang membuat keputusan muktamad bagi pemberian semua jenis bantuan kepada asnaf-asnaf yang berhak

termasuk juga mengenai dengan jumlah, kadar atau jenis bantuan yang akan diberikan.

Jawatankuasa Meneliti Permohonan Bantuan Dari Asnaf-Asnaf Zakat

Jawatankuasa ini bertindak meneliti semua permohonan yang dihadapkan kepada Bahagian Kutipan Dan Agihan Zakat dan akan membuat sokongan untuk diberi bantuan atau sebaliknya berdasarkan laporan, penyiasatan lawatan dan soalselidik kepada pemohon sebelum dihadapkan kepada Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat untuk pertimbangan dan keputusan.

Ketiga: Jabatan Mufti Kerajaan (JMK)

Sejarah penubuhan

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 7 Nobember, 1994 atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mufti Kerajaan bertaraf Menteri dan bertanggungjawab kepada Baginda dalam menjalankan tugasnya.

Visi dan Misi

Visi Jabatan Mufti Kerajaan ialah menjadi institusi yang berwibawa dan pusat rujukan Islam. Manakala misinya ialah:

- Menjadi institusi yang mengeluarkan fatwa dan irsyad (panduan dan bimbingan).
- Menjadi institusi yang mengumpul, mengeluarkan dan menyebar ilmu pengetahuan Islam (Haji Japar, 2011).

Tugas & Fungsi

Mengeluarkan Fatwa dan Irsyad. Fatwa dikeluarkan berdasarkan Al-Qur'an, Hadith, Ijma, Qias, Mazhab Syafi'i, Qaul Mu'tamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, dan Ijtihad Mufti. Menjadi pusat rujukan ilmu dan maklumat Islam yang lengkap.

Organisasi Jabatan Mufti Kerajaan

Dalam usaha meluaskan peranan Jabatan Mufti Kerajaan, khususnya dalam memberi kefahaman dan meningkatkan amalan beragama, fungsi kerja Jabatan Mufti Kerajaan digerakkan melalui dua bahagian utama iaitu Bahagian Hal Ehwal Fatwa dan Bahagian Hal Ehwal Pentadbiran. Bahagian Hal Ehwal Fatwa mengandungi tiga bahagian kecil iaitu; Ifta', Buhuth dan Irsyad dan Tasyrie.

Manakala Bahagian Hal Ehwal Pentadbiran mengandungi lima bahagian kecil iaitu: Urusetia Fatwa, Qismul Hikmah, Penerbitan dan Penerangan, Perancangan dan kewangan dan Kakitangan dan Perkhidmatan.

Bahagian Ifta

Adapun tugas-tugas bahagian Ifta, iaitu: Membantu Mufti Kerajaan, Menjalankan kerja-kerja Istinbat, Menyediakan draf Fatwa dan Pemesyarakatan Fatwa.

Bahagian Buhuth dan Irsyad

Manakala tugas-tugas Bahagian Buhuth dan Irsyad merangkumi; Membantu Mufti Kerajaan, Menjalankan kerja-kerja penyelidikan, Menyediakan draf Irsyad Hukum dan Pemesyarakatan Irsyad Hukum.

PENUTUP

Pada dasarnya Qaul muktamad bermaksud pendapat-pendapat yang disepakati oleh Imam al-Nawawi (w. 676H) dan Imam al-Rafi'i (w. 623H) pada sesuatu perkara. Jika sesuatu perkara itu tiada pendapat yang disepakati oleh kedua-duanya maka didahulukan pendapat Imam al-Nawawi (w. 676H). Jika tiada didapati pendapat Imam al-Nawawi (w. 676H), maka diambil pendapat Imam al-Rafi'i (w. 623H). Kemudian diambil pendapat yang dirajihkan oleh ramai ulama mazhab, kemudian oleh yang lebih wara'. Pendapat-pendapat ulama dalam kitab-kitab muktamad atau disebut qaul muktamad adalah bersumberkan al-Quran dan Hadith.

Sebagai pendedahan awal, dalam tulisan ini didapat bahawa fatwa zakat di Brunei Darussalam dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan berlandaskan kepada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 yang mana diperuntukkan dalam Bab 43 kuasa-kuasa yang patut diikuti oleh Mufti ketika akan mengeluarkan fatwa iaitu mengikuti qaul muktamad dalam mazhab Syafi'i.

RUJUKAN

- Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.
- Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2016). *Natijah Amali Kaedah-Kaedah Berfatwa Dalam Disiplin Berfatwa Mazhab Syafi'i*. Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- Buku Kenang-Kenangan Istiadat Pembukaan Bangunan Baru Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei (1966), (T.P).
- Dayang Hajah Aisah binti Pungut, "Enakmen 1912: Satu Tinjauan Awal".
- Dayang Hajah Zainab binti Haji Tuah. (2009). "Perkembangan Pentadbiran Mahkmal Syariah di Negara Brunei Darussalam", tesis Sarjana Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.
- Garispanduan Tugas dan Tanggungjawab Amil, Jabatan Majlis Ugama Islam. (2007). Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.
- Income Tax Act (Chapter 35} 21st. April, 2011 Income Tax (Relief From Double Taxation) (Kuwait} Order, 2011.
- Haji Japar bin Mat Dain@Madin. (2011). Analisis Metode Fatwa Muamalat Oleh Mufti Kerajaan Brunei Dari Tahun 1962-2006. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muhammad Nur Lubis Abd Razak. (2003). Panduan Calon Ulama & Formulasi
Mendraf Bahan Fatwa. T.tp.: t.pt
Perintah Perbankan Islam 2008.
Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.
Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018.
Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955 (Enactment No. 20 of 1955)
Explanatory Note, No. 37.
Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955, (Amendments) Enactment
No. 1 /1960.
The Revised Edition of Subsidiary Legislation of Brunei 1957.
Hasil perjumpaan dengan beberapa orang pewawai; Haji Mohamed Khalid bin Haji
Timbol, Ketua Seksyen Kutipan, BAKAZ, Abdul Ishraq bin Haji Ismail,
Ketua Unit Siasatan, BAKAZ, Hartina binti Haji Ariffin, Ketua Unit
Perancangan dan Penyelidikan dan Haji Zakaria bin Haji Ajak, Seksyen
Kutipan, BAKAZ, 05 Julai 2018, 2.30 petang bertempat Bahagian Kutipan
dan Agihan Zakat, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
<http://www.pusat-sejarah.gov.bn/Themed/sultanbrunei.htm>
https://www.esyariah.gov.bn/portals/syariah/branches/web/home/article_view/267226/?l1=1&l2=1
www.kheu.gov.bn/

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.